

01/09/2003

Pas wajar didesak tarik balik gelaran Pahang Darul Kasino

Hajee Baa-Khail

PAS tidak harus dibiarkan bebas membuat tuduhan melulu menggelar Pahang Darul Makmur sebagai Pahang Darul Kasino. Pas wajar didesak menarik balik gelaran itu.

Ia bukan saja satu penghinaan dan tidak patut diberikan, malah alasan Pas memberikan gelaran itu tidak berdasarkan fakta sebaliknya lebih banyak bersandarkan tohmahan politik.

Alasan Pas bagi mewajarkan gelaran itu diilhamkan penulis bukan Islam yang dengan sengaja menuduh kerajaan memberi lesen penubuhan kasino kedua di Bukit Tinggi Resort dan kononnya lesen mewujudkan mini kasino di Pulau Tioman.

Kita kini sedia maklum kerajaan tiada cadangan seperti dakwaan Pas itu. Ini dijelaskan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Kewangan II, Datuk Dr Jamaluddin Jarjis.

Daripada penjelasan kedua-dua pemimpin itu, nyata Pas sengaja mengadadakan cerita. Apa yang kerajaan luluskan ialah untuk kedua-dua pusat peranginan itu memberi peluang kepada pelawat bermain beberapa mesin slot one-arm bandit. Pas memutarbelitkan isu itu seolah-olah wujud kasino atau mini kasino di sana.

Berikutan itu, kedua-dua pusat peranginan itu menutup operasi bilik mesin slot masing-masing sungguhpun mereka tidak perlu berbuat demikian. Ia sebagai menghormati pemimpin negara selain tidak mahu membenarkan Pas terus menyebar laporan palsu.

Fakta pemilik pusat menghentikan permainan mesin slot itu pula tidak dilaporkan oleh Harakah.

Kalaupun ia bersuara kelak, saya pasti isu ini tetap diputarbelitkannya dengan dakwaan segala bentuk pendedahan dibuatnya selama ini menyebabkan operasi mesin judi itu ditutup.

Dalam pada itu, Pas masih bertegas dengan gelaran Pahang Darul Kasino kerana berpendapat ia menjijikkan.

Saya yakin ahli Pas yang taksab saja percaya fitnah penerbitan parti itu yang mahu menyamakan Pahang dengan pusat perjudian terkenal dunia Las Vegas.

Pas seperti mahu membutakan matanya kepada hakikat Genting Highlands bukan lagi terkenal kerana kasino tetapi pelbagai aktiviti menarik bagi menghiburkan ahli keluarga termasuk umat Islam yang mahu melancong sambil berlibur di taman temanya yang luas dan indah.

Ini semua membawa makna bahawa Pas mencari peluang untuk mengutuk kerajaan dengan memberi gambaran dialah juara bagi memperjuangkan Islam.

Pas jelas menghalalkan apa saja tohmahan dan fitnah dengan matlamat memburukkan kerajaan dan meraih keuntungan politik semata-mata.

Jika dikenakan tindakan, kerajaan pasti dituduh sebagai zalim.

Perlu ditegaskan, Kerajaan Pahang pimpinan Datuk Seri Adnan Yaakub sering melaksanakan program yang menitikberatkan pendidikan dan menjaga kebajikan rakyat.

HAJEE BAA-KHAIL,
Kuantan.